


16 - 30 APRIL, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Kedaulatan negeri Pulau Pinang

## tarik balik kenyataan, mohon maaf

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang menyokong sebulat suara usul tanpa pemberitahuan berhubung ucapan Menteri Besar Kedah yang meragui kedaulatan negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mempertahankan kedaulatan negeri ini selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

"Kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kedah yang mana sekiranya tidak berhati-hati dengan ucapannya, ia boleh mendedahkan beliau kepada kesalahan di bawah Akta Hasutan kerana menimbulkan perasaan 'kurang senang' dalam kalangan penduduk kedua-dua negeri.

"Perkara (yang dibangkitkan) ini merupakan persoalan undang-undang yang serius kerana secara tidak langsung mempersoalkan kedudukan Yang Dipertuan Agong sebagai 'penjaga' negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan dan Raja," ujarnya ketika membahaskan usul tersebut pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima DUN Ke-14 di sini 7 Mac lalu.

Menurut Kon Yeow, hanya dengan berpandukan kepada sebuah buku yang ditulis oleh sejarawan R. Bonney bertajuk



KETUA Menteri bersama-sama Yang Dipertua DUN, Law Choo Kiang dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri bergambar kenang-kenangan pada hari terakhir persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

*'Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence'*, adalah tidak wajar digunakan sebagai bukti bagi merendahkan atau mengatasi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Perlembagaan Persekutuan (secara jelas) menyebut tentang kedaulatan dan kedudukan undang-undang negeri-negeri termasuk Pulau Pinang dan Kedah.

"Selain itu, Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 71 yang dibaca bersekali Jadual Kelapan juga merupakan contoh yang menggambarkan pengiktirafan undang-undang yang diberikan kepada Pulau Pinang sebagai satu negeri yang ada kedaulatannya tersendiri selepas digugurkan statusnya sebagai negeri Selat melalui proses kemerdekaan.

"Malah, status sesebuah negeri itu, yang turut termasuk negeri Pulau Pinang, untuk menikmati dan melaksanakan kedaulatannya, sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri boleh dilihat dalam Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan tersebut," hurai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu.

Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Negeri-Negeri Persekutuan tediri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Manakala, Perkara 71 memperuntukkan jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri.

Terdahulu, usul yang dibawa oleh ADUN Air Putih, Lim Guan Eng antara lain mencadangkan supaya DUN Pulau Pinang mengambil ketetapan dengan mendesak Menteri Besar Kedah menarik balik kenyataan dan memohon maaf kepada rakyat Pulau Pinang kerana bersikap 'tidak mesra' serta menghina keabsahan Perlembagaan Persekutuan.

"Sememangnya 1.8 juta rakyat Pulau Pinang amat taat setia kepada negeri ini serta mempertahankan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Negeri, oleh itu, ucapan mengapi-apikan sentimen ekstremis secara terbuka meragui kedaulatan dan menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Kesal kerana kenyataan tersebut juga secara tidak langsung mempertikai kuasa mutlak Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong yang melantik Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

"Malah tindakan beliau berlawanan dengan Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan yang menekankan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama di Malaysia," katanya sambil menyeru supaya semua pihak dapat hidup dalam suasana harmoni dan saling menghormati.

Antara perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang turut mengiktiraf kedaulatan negeri Pulau Pinang secara tidak langsung adalah Perkara 88 Perlembagaan Persekutuan yang mana merujuk Pemakaian Perkara 83 dan 87 bagi Negeri yang tidak mempunyai Raja; Perkara 2 iaitu kuasa-kuasa Perlembagaan berhubung persempadan; Akta Kedah Dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 (Akta 325) berhubung persetujuan pengubahan sempadan dibuat antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang, dan Akta ini dibuat tertakluk kepada persetujuan Majlis Raja-Raja.

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima DUN Pulau Pinang

# RUU Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) beri pertimbangan perkara baru

**PADANG KOTA** – Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023 bertujuan menggantikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa sejajar dengan perkembangan undang-undang dan perubahan keadaan semasa, terdapat keperluan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 bagi melaksanakan kajian semula dasar-dasar sedia ada, cadangan dasar-dasar baru dan penetapan laras bahasa perundangan moden.

"RUU Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Pindaan) 2023 akan memberi pertimbangan kepada perkara-perkara baru antaranya perkara-perkara dasar yang akan digugurkan, dasar-dasar yang diperbaharui serta peruntukan undang-undang yang diolah antaranya pemansuhan tempoh jawatan selama tiga tahun bagi anggota panel Mahkamah Rayuan Syariah dalam pentadbiran Kehakiman Syariah.

"Kedua, pemansuhan syarat pemegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi selama 10 tahun sebagai salah satu syarat kelayakan untuk dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie dan penambahan anggota lain Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

(MAINPP) daripada lapan orang kepada sepuluh orang yang mana sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam hukum syarak," ujarnya ketika membentangkan usul tersebut pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima DUN Ke-14 di sini 6 Mac lalu.

Difahamkan, antara perkara lain yang turut terlibat dalam pindaan baharu adalah pewujudan jawatan baru Timbalan Setiausaha Majlis; pewujudan jawatan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie; pewujudan jawatan Timbalan Ketua Pendaftar; pewujudan jawatan beberapa orang Penolong Pendaftar Mualaf selain daripada Pendaftar Mualaf dan peluasan bidang kuasa Mal (Sivil) Mahkamah Rendah Syariah.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam memaklumkan bahawa perkara lain yang dipinda adalah mengenai penetapan Islam sebagai salah satu syarat kelayakan calon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie, pengemaskinian prosedur kewangan terkini secara alternatif serta peluasan bidang kuasa MAINPP sebagai pemegang amanah tunggal bagi masjid dan surau.

"Perkara ke-12 melibatkan had hukuman yang jelas terhadap pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat fitrah serta akhir sekali penambahan had penalti bagi kesalahan pungutan wang khairat tanpa kebenaran MAINPP," ulasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Terdahulu, RUU tersebut telah dibawa dan diluluskan pada peringkat Mesyuarat Exco.

## Inisiatif legakan trafik Daerah Barat Daya, Seberang Perai

**PADANG KOTA** -Kesesakan jalan raya di Daerah Barat Daya (DBD) dan kawasan Seberang Perai yang semakin meruncing terus mendapat perhatian pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 baru-baru ini.

Antara tindakan Kerajaan Negeri untuk melegakan kesesakan lalu lintas di Daerah Barat Daya adalah membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *'green wave'* dalam masa terdekat.

Menurut Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari, penyelarasan semula ini akan melancarkan lagi aliran trafik dan dijangka mengurangkan kesesakan.

"Perancangan-perancangan lain bagi melegakan kesesakan di kawasan Bayan Baru termasuklah penaiktarafan persimpangan Jalan Tun Dr. Awang/Jalan Bukit Gambir dengan membina persimpangan bertingkat dan pembinaan laluan bawah *(underpass)* di bulatan Bayan Baru.

"Kerja-kerja pembinaan ini akan dilaksanakan oleh pihak pemaju di bawah projek pembangunan *Penang International Commercial City* (PICC) dan dijangka siap pada tahun 2027," ujarnya pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima DUN di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa *Pan Island Link* (PIL) juga dilihat sebagai alternatif menghubungkan utara pulau ke selatan pulau melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu yang turut mengalami kesesakan pada waktu puncak.

"Dalam menyelesaikan isu kesesakan di DBD, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan melaksanakan Projek Menaik Taraf Jalan Teluk Kumbar Daripada Dua Lorong Kepada Empat Lorong.

"JKR akan menjalankan kajian trafik bertujuan mengenal pasti cadangan penguraian trafik yang bersesuaian.

"Kertas kerja lantikan perunding bagi kajian trafik ini telah diangkat dan sedang menunggu kelulusan Lembaga Perolehan, sementara itu JKR juga dalam proses melantik perunding bagi melaksanakan kerja-kerja ukur manakala kerja-kerja reka bentuk akan dilaksanakan setelah kajian trafik dan kerja-kerja ukur selesai," jelasnya ketika menjawab soalan ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.

Difahamkan, Kerajaan Negeri turut menyalurkan dana untuk kajian sebagai langkah sokongan kepada Kerajaan Persekutuan menaik taraf Jalan Teluk Kumbar tersebut.

Mengulas isu sama di Seberang Perai, Zairil menyatakan bahawa Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) 2023 - 2030 adalah merangkumi penyelesaian penyuraian kesesakan lalu lintas bagi jangka masa pendek dan panjang.

"Pelan tersebut mempunyai senarai *hotspot* kesesakan lalu lintas di kawasan Seberang Perai.

"Oleh yang demikian, inisiatif ini akan dapat membantu agensi atau jabatan berkaitan mendapatkan cadangan penyelesaian kesesakan lalu lintas, pada masa sama membuat permohonan peruntukan sama ada daripada Kerajaan Negeri atau Persekutuan (untuk melaksanakannya)," ulasnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Ketika menjawab soalan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik, Zairil turut memaklumkan bahawa status terkini kerja-kerja penaiktarafan Jalan Bukit Tambun dan Jalan Paboi oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dibawa dalam permohonan Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Oleh: **AZMI HUSSIN**



Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima DUN Pulau Pinang

# Teruskan rundingan SPRWTS

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk meneruskan perbincangan dan rundingan dengan Kerajaan Negeri Perak berhubung Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) selepas kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menyatakan bahawa Sungai Perak mampu memenuhi kegunaan di Hulu Perak dan Pulau Pinang pada masa sama sehingga tahun 2050.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah menghantar surat kepada Putrajaya untuk mengadakan perbincangan dan rundingan semula.

"Sebelum ini pelbagai usaha menemui jalan buntu dan susulan perkembangan terkini, Ketua Menteri telah menulis surat kepada pihak Kementerian (NRECC) supaya mengadakan pertemuan semula antara



**ZAIRIL Khir Johari.**

Pulau Pinang, Perak dan pihak kementerian sendiri.

"Usaha ini diteruskan, memandangkan Sungai Perak mampu menampung keperluan air yang semakin meningkat di negeri ini," ujarnya ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menjawab soalan ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon berhubung usaha Kerajaan Negeri dalam memberi jaminan bekalan air di negeri ini, Zairil memaklumkan bahawa sekiranya SPRWTS berjaya sebanyak 1,000 hingga 2,000 juta liter sehari (JLH) dapat disalurkan dari Sungai Perak.

"Malah, melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Pelan Kontingensi Air Mentah (RWCP) 2030 diperkenalkan sebagai alternatif untuk mengurangkan risiko bekalan air sehingga 2030.

"Pelan kontingensi ini termasuk menaik taraf tangki pemendapan Pelan Rawatan Air (LPA) Sungai Dua yang telah siap dan boleh menyalurkan 91 JLH.

"Selain itu, modul rawatan air baharu kini 15 peratus telah siap dan ia berpotensi menghasilkan 114 JLH; begitu juga LPA Empangan Mengkuang Fasa Satu yang dijangka siap pada 2025 juga menghasilkan 114 JLH dan LPA Sungai Dua Fasa Satu (114 JLH, 2028).

"Manakala Skim Bekalan Air Sungai Prai merupakan proses pra-rawatan yang berpotensi menghasilkan 136 JLH juga dijangka siap pada 2028 nanti," jelas ADUN Tanjong Bunga itu.

Bercakap mengenai projek infrastruktur air di negeri ini, Zairil memberitahu bahawa projek yang masih belum dilaksanakan pada peringkat Kerajaan Persekutuan adalah melibatkan penstrukturan semula air di Pulau Pinang.

"Berhubung penstrukturan semula, antara perkara yang telah diluluskan adalah Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) membabitkan empat fasa dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion.

"Fasa 1 melibatkan pembesaran empangan siap pada 10 April 2017, manakala Fasa 2A iaitu menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong siap pada 28 September 2017.

"Kerja-kerja bagi Fasa 2B melibatkan penyaluran air dari Stesen Pam Mak Sulong ke Sungai Dua kini sedang berjalan dan dijangka siap Ogos 2023 dan Fasa 2C melibatkan pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi ditangguhkan.

"Projek ini (Fasa 2C) sangat penting kerana membolehkan PBAPP mengekstrak air mentah dari Sungai Muda semasa musim tengkujuh antara bulan April, Mei dan September hingga November.

"Semasa musim tengkujuh, air yang melimpah ke laut dapat diekstrak untuk disimpan ke Empangan Mengkuang yang kemudiannya dapat disalurkan ke LRA Sungai Dua sehingga 600 JLH dan pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi mampu menampung kapasiti sehingga 440 JLH," jelasnya lanjut.

## Sistem pengurusan sampah paling moden di Pulau Burung, respons Exco

**GEORGE TOWN** - Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sejak 1 Ogos 2022 telah mengambil alih 100 peratus pengurusan sisa pepejal di Sel 1 Fasa 3 Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung daripada firma operator bukan kerajaan, dengan jangka hayat penggunaan kawasan petak tersebut sehingga awal tahun 2024.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan menerapkan sistem pengurusan sisa pepejal paling moden dari negara-negara maju terpilih bagi pengoperasian di Sel 2 tapak pelupusan sampah tersebut, kelak.

"Untuk Sel 2 (Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung), kita (Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang) memerlukan masa dalam 12 bulan dengan kos hampir RM46.5 juta.

"Pihak (Bahagian Kerajaan Tempatan) akan selaraskan RFP (Cadangan Pembangunan) untuk Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu teknologi baharu dipakai dalam pengurusan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah tersebut," jelasnya semasa Sesi Soal Jawab Lisan di sini pada 7 Mac 2023.

Di samping itu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat memberitahu bahawa RFP bagi Sel 2 tapak pelupusan sampah tersebut akan mula dibuka pada bulan Jun tahun ini dan akan mengambil masa kira-kira 12 bulan sebelum dimuktamadkan pada peringkat Kerajaan Negeri.

Dalam sesi soal jawab tambahan, ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye meminta Jagdeep memberi penjelasan lanjut berhubung pelan kontingensi peringkat Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan operasi pengurusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung tidak menjejaskan penduduk setempat seperti yang pernah terjadi sebelum ini.

"Sekiranya teknologi baharu digunakan di Tapak Pelupusan (Sampah) Pulau Burung, adakah *'tipping fee'* yang dikutip oleh PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dapat menampung segala (kos pengurusan) di tapak pelupusan tersebut nanti," tanya Mooi Lye.

Menjawab soalan itu, Jagdeep memberitahu bahawa Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang akan meneliti pelaksanaan RFP bagi sistem pengurusan sisa pepejal paling moden tersebut berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan sedia ada.

"Di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan) akan meneliti (RFP) berdasarkan peruntukan undang-undang.

"RFP ini sangat penting yang mana kita akan meneliti proses memuktamadkan RFP berdasarkan peruntukan undang-undang," respons beliau lagi.

## Jelajah ❤ PENANG, fahami dan bantu pulih kehidupan rakyat

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 23 permohonan bagi projek pembangunan dan infrastruktur diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang hasil daripada penganjuran program Jelajah ❤PENANG Ketua Menteri 1.0 dan 2.0.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa daripada 23 permohonan projek tersebut, sebanyak 21 projek telah diluluskan.

"Permohonan projek-projek ini dibuat oleh pusat khidmat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan masing-masing yang mana keutamaan diberikan kepada projek yang paling mendesak.

"Antaranya adalah menaik taraf kemudahan sukan, membaiki dan membina jeti nelayan baharu, projek tebatan banjir serta penyelenggaraan skim perumahan.

"Dua daripada 21 projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun lepas iaitu projek penyelenggaraan perumahan Taman Sri Pinang dekat Sungai Pinang dengan kos RM635,465 dan penggantian lantai gelanggang badminton Dewan MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) Bandar Cassia dekat Bukit Tambun dengan kos RM40,000.

"Projek selebihnya masih lagi pada peringkat awal (penyediaan spesifikasi) dan memerlukan penilaian lanjut sebelum projek tersebut dapat dimulakan," katanya dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini pada 6 Mac lalu.

Kon Yeow menyatakan bahawa kos keseluruhan bagi penganjuran program Jelajah ❤PENANG Ketua Menteri 1.0 dan 2.0 adalah berjumlah RM123,170.

"Melalui program ini, kami berpeluang untuk memahami masyarakat secara lebih mendalam, menilai serta melihat bagaimana Kerajaan Negeri boleh membantu memulihkan kehidupan rakyat kesan daripada pandemik COVID-19.

"Seterusnya, Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan akan membuat tindakan susulan terhadap beberapa isu yang dibangkitkan oleh rakyat semasa jelajah tersebut.

"Kami tidak bercakap soal politik semasa program jelajah diadakan dan tidak ramai ahli politik yang menyertai program tersebut.

"Sebaliknya, jelajah ini lebih kepada usaha untuk Kerajaan Negeri berhubung dengan masyarakat setempat dan mendengar keperluan mereka," katanya sambil menambah bahawa sebanyak RM400,000 telah diperuntukkan kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah di bawah program tersebut pada tahun lepas.

# Usul kosongkan kerusi 4 ADUN dipersetujui majoriti

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS & SIEW CHIA EN**



**GEORGE TOWN –** Usul bertajuk Pengisytiharan Kekosongan Empat Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dipersetujui majoriti untuk diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika membentangkan usul tersebut berkata bahawa ia adalah selaras dengan subperaturan 31(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang susulan kegagalan empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkenaan mengosongkan kerusi masing-masing di bawah Fasal 14A(1) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri menerusi Enakmen Perlembagaan Pulau Pinang (Pindaan) 2012 [A.13/2012] telah meminda Perlembagaan Pulau Pinang dengan memasukkan Perkara 14A yang menyentuh mengenai pertukaran parti politik seseorang ADUN.

"Perkara 14A Perlembagaan Negeri ini telah dikuatkuasakan 8 Januari 2013 yang mana menetapkan bahawa seseorang ADUN hendaklah mengosongkan kerusi sekiranya telah dipilih sebagai calon parti politik, beliau melepaskan, berhenti atau dilucutkan keahliannya daripada sesebuah parti politik ataupun apabila beliau menyertai apa-apa parti politik lain.

"Dalam hal ini, apabila berlakunya pertukaran parti politik oleh seseorang ADUN, maka berdasarkan perenggan Perkara 14A(1)(a) Perlembagaan Negeri, ADUN tersebut hendaklah mengosongkan kerusinya.

"Seandainya seseorang ADUN tersebut enggan mengosongkan kerusinya maka keputusan mengenai perkara tersebut hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri melalui suatu usul berdasarkan Fasal 18(1) Perlembagaan Negeri kerana melibatkan *'question of facts'* yang perlu dipadankan dengan pemakaian Perkara 14A Perlembagaan Negeri tersebut.

"(Dan) sekiranya Dewan ini bersetuju dengan usul ini, maka Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri berdasarkan Fasal 14A(4) hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa telah berlakunya kekosongan," ujarnya pada hari pertama Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-14 di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini pada 6 Mac lalu.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, empat ADUN yang dimaksudkan ialah Dr. Afif Bahardin (Seberang Jaya); Zulkifli Ibrahim (Sungai Acheh); Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq (Bertam) dan Zolkifly Md. Lazim (Teluk Bahang).

Sebelum itu, beliau yang juga ADUN Pinang Tunggal memaklumkan bahawa usul tersebut dibangkitkan susulan status dua ADUN Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang dipecat keahlian pada Jun 2020 berikutan Langkah Sheraton yang menyebabkan kedua-dua ADUN tersebut bukan lagi ahli parti berkenaan.

"Manakala dua ADUN Parti Pribumi Bersatu (Bersatu) pula, fakta kedua-duanya menggunakan lambang PKR atas merit watikah pencalonan ketika itu adalah suatu amalan yang sudahpun diketahui umum dengan merujuk kepada Perenggan 11(1)(c) dan Perenggan 25F Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

Berdasarkan kedua-dua peruntukan tersebut adalah jelas dan selaras dengan kedudukan diambil dalam saman pemula yang mana afidavit kedua-dua ADUN Bersatu tersebut mengakui bahawa mereka bertanding di bawah logo PKR sebagai sebahagian daripada Pakatan Harapan.

"Malah, dalam afidavit kedua-dua ADUN Bersatu tersebut juga, mengakui telah menarik balik sokongan mereka terhadap Pakatan Harapan, maka kedua-dua ADUN berkenaan sewajarnya disifatkan sebagai melompat parti berdasarkan platform parti yang digunakan sebagai parti politik untuk bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu," jelasnya.

Sebagai rekod, Perenggan 11(1)(c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 menetapkan bahawa bagi maksud subperaturan sesuatu parti politik boleh mengemukakan kepada SPR untuk meluluskan dan didaftarkan, jika diluluskan sedemikian, suatu simbol yang dalam subperaturan ini disebut 'simbol parti', bagi kegunaan calon dalam mana-mana pilihan raya.

Manakala, Perenggan 25F peraturan sama pula memperuntukkan bahawa selepas selesai penjumlahan rasmi dan pembuatan pengisytiharan di bawah subperaturan 25D(7) berkenaan dengan semua pilihan raya yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat atau sesuatu DUN, SPR boleh membuat pengisytiharan bahawa sesuatu parti politik yang telah menamakan calon untuk bertanding dalam pilihan raya umum telah memenangi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau DUN itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika parti politik itu telah memperoleh suatu majoriti melebihi 50 peratus daripada jumlah kerusi yang diperuntukkan bagi pemilihan ke Dewan Rakyat atau DUN itu.

Sementara itu, semasa perbahasan usul berkenaan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menunggu selama dua tahun setengah untuk membawa usul ini ke DUN.

"Selama dua tahun setengah kita (Kerajaan Negeri) telah bersetuju untuk tidak membawa usul ini selagi proses perundangan tidak tamat, namun kini, keputusan mahkamah juga telah diperoleh.

"(Dan) sehingga pagi ini, Dewan tidak menerima apa-apa perintah walaupun permohonan (menangguhkan pembentangan usul) dibuat (oleh keempat-empat ADUN sebelum ini ditolak) yang mana memerlukan sekurang-kurangnya 14 hari jika ingin membawa usul demikian di Dewan ini.

"Malah, keputusan Mahkamah Tinggi itu juga menjadikan Perkara 14A Perlembagaan Pulau Pinang sebagai suatu undang-undang yang sah dan sahih serta tidak melanggar apa-apa peruntukan," ujarnya sambil menyangkal dakwaan bahawa wakil rakyat daripada Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak sabar untuk menyingkir empat ADUN berkaitan.

Susulan majoriti ADUN menerima usul yang dibentangkan, Yang Dipertua DUN, Dato' Law Choo Kiang mengarahkan keempat-empat ADUN berkenaan meninggalkan Dewan.

# Astaka Taman Tun Sardon sebagai hab pelancongan makanan

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap projek penarafan Astaka Taman Tun Sardon akan menjadi hab pelancongan makanan terkenal suatu hari nanti.

Bukan setakat itu sahaja, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa pihaknya berharap projek penaiktarafan astaka tersebut turut akan diperluaskan ke kompleks makanan dan pasar awam yang lain sekitar negeri ini.

"Antara kerja-kerja naik taraf yang kita tumpukan pada astaka-astaka negeri ini termasuk menggantikan siling, bumbung, pengecatan semula, menukar lantai, turap semula (jalan) dan perkara-perkara lain yang difikiran perlu.

"Saya juga dalam perancangan untuk menjenamakan astaka-astaka kita (di Pulau Pinang) kepada 'astaka emas', ini bagi mengiktiraf dan menunjukkan satu standard astaka kita pada satu taraf yang tinggi," jelasnya dalam Sesi Soal Jawab Lisan Dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 6 Mac 2023.

Memetik jawapan bertulis di Dewan, Jagdeep memberitahu bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam perancangan untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon sebagai hab pelancongan makanan pada hujung minggu.

"Penaiktarafan yang akan dilaksanakan termasuk penambahan bilangan gerai bagi menempatkan penjaja atau peniaga tidak berlesen yang telah dikenal pasti.

"Setakat ini, kerja-kerja pembaikan kecil yang memerlukan tindakan segera telahpun dilaksanakan iaitu penggantian siling astaka bermula dari gerai No. 1 hingga No. 18," ujarnya yang juga ADUN Datok Keramat sebagai menjawab soalan ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid.

Di samping itu, Jagdeep memberitahu bahawa kerja-kerja penaiktarafan lain pada Astaka Taman Tun Sardon termasuk pengecatan semula *'handrail'* di hadapan dan tepi kompleks makanan tersebut serta menurap dan membaiki jalan masuk ke kawasan tersebut.

Menjawab soalan tambahan Syerleena, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui MBPP turut akan melaksanakan projek penaiktarafan tandas Astaka Tun Sardon serentak dengan kerja-kerja pembaikan lain di kompleks makanan dan penjaja tersebut.

"Pada masa kini, MBPP sedang dalam proses untuk meningkatkan tahap kebersihan tandas awam selaras dengan arahan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan bagi mewujudkan suasana tandas awam bertaraf Bersih, Menawan dan Wangi (BMW)," ulasnya lagi sambil merakamkan penghargaan kepada semua pemegang taruh dalam projek 'hab pelancongan makanan' tersebut.

# Dekat dengan masyarakat, bersama cegah jenayah

**SLOGAN** 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada' memang sudah sinonim dalam kalangan masyarakat di negara kita sejak dari dahulu hingga sekarang.

Berpegang teguh kepada kata-kata keramat itulah menyebabkan nama **KOPERAL ARIF MOHAMED** tiba-tiba menjadi bualan hangat warganet di Malaysia baru-baru ini.

Ini susulan tindakan beliau yang sanggup mengendong seorang warga emas untuk melintas jalan berhampiran Pasar Awam Lebuh Cecil dekat bandar raya George Town.

Justeru, Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** sempat menemu ramah insan berhati mulia tersebut.

Menurut Arif, pada hari kejadian iaitu sekitar bulan Oktober tahun lepas, beliau bersama-sama rakannya, Lans Koperal Mohd. Saiful Sudirman dari Cawangan Kereta Peronda, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut sedang menjalankan rondaan seperti biasa.

"Setibanya di Pasar Lebuh Cecil, saya ternampak seorang wanita warga emas sedang cuba melintas jalan dan secara spontan saya terus bergerak ke arah makcik itu.


ARIF Mohamed menunjukkan sijil penghargaan Anugerah Love Penang Community Award yang diterima baru-baru ini.

"Saya tanya beliau mahu pergi ke mana dan beliau memberitahu bahawa hendak pergi makan di astaka berdekatan.

"Saya kemudiannya bertindak memimpin tangan mak cik itu tetapi pergerakannya agak lambat sehingga beberapa buah kereta terpaksa berhenti untuk memberikan laluan.

"Risau dengan keadaannya kerana jumlah kenderaan semakin banyak, saya terus nekad untuk mendukung dan menghantar makcik itu ke astaka," ujarnya yang terpilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Love Penang Community Award yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Reaksi spontan Arif itu kemudian menerima tepukan gemuruh daripada orang awam yang mula mengerumuni lokasi kejadian dan tidak terkecuali terdapat pihak yang telah merakam aksi tersebut.

"Sebenarnya, perkara ini bukanlah sesuatu yang ingin dibanggakan kerana ia adalah sebahagian daripada tugas anggota polis dalam membantu masyarakat tanpa mengira latar belakang.

"Apabila kami keluar pada jam 8 pagi hingga 4 petang, dalam lapan jam itu macam-macam perkara kami akan lalui.

"Tanggungjawab kami bukan sahaja menguatkuasakan undang-undang, malah kami juga perlu menolong masyarakat.

"Biasanya, jika kami terjumpa kes-kes seperti kereta tayar pancit, kami pasti akan tolong tetapi tidak sangka kali ini tular gara-gara warganet dan raih perhatian Kerajaan Negeri sampai diberikan sijil penghargaan," jelasnya yang lebih 30 tahun menyarung seragam Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu.

Cawangan kereta peronda juga menurut Arif, boleh dikatakan sebagai barisan hadapan PDRM kerana apa jua laporan dan tindakan akan disalurkan kepada mereka terlebih dahulu.

"Rondaan harian juga lebih kepada bersifat untuk mencegah jenayah kerana dengan kehadiran anggota peronda menyebabkan penjenayah rasa lebih takut untuk melakukan perbuatan jenayah," katanya.

*(Sambungan di muka 7).*

---

## Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

### Siri 4

Tarikh tutup bagi Siri 4: **2 Jun 2023**

**Melintang**

3. Penempatan awal orang Melayu Pulau Pinang
6. Gabenor Pulau Pinang tahun 1942
8. Isteri Tun Abdul Rahman Abbas
10. Undang-Undang Negeri Pulau Pinang
12. Dewan Undangan Negeri
13. Panggilan hormat penghulu di tanah Minangkabau
14. Lokasi pusara Allahyarham Datuk Janatun

**Menegak**

1. Warna putih bendera Pulau Pinang
2. Gelaran ketua-ketua Melayu Pulau Pinang
4. Nama lain bagi Haji Mohammad Salleh
5. Tempat kelahiran Allahyarham YAM Raja Tun Uda
7. Ketua Menteri Pulau Pinang pertama
9. Tempat persinggahan kapal
11. Jabatan Perangkaan Malaysia
13. Kerjaya awal Allahyarham Tun Dr. Haji Awang Hassan




**Lengkapkan slogan dibawah:**
Pameran Dari Gabenor Ke TYT menjadi memori terindah buat saya kerana ..............................

..............................

..............................

*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

PENANG 2030 PENANG

BULETIN MUTIARA PSAG PENANG STATE ART GALLERY

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..............................

No. Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

..............................

No. Telefon: (Bimbit) ..............................

Emel: ..............................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar **SATU** penyertaan sahaja.
5. Hanya penyertaan yang lengkap bakal diadili.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh **TUTUP** bagi Siri 4 ialah **2 Jun 2023**.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-6505564 / 5256 / 5704.
9. Hantarkan penyertaan ke:
   Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata – Dari Gabenor Ke TYT Siri 4,
   Tingkat 47 Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Jawapan silang kata boleh didapati di Pameran Dari Gabenor Ke TYT yang berlangsung di Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Balik Pulau bermula pada 16 April – 31 Mei 2023.**

**Hadiah:**

**Pertama:** RM300 + cenderamata eksklusif

**Kedua:** RM200 + cenderamata eksklusif

**Ketiga:** RM100 + cenderamata eksklusif

# CAPAL seni warisan Melayu

**CAPAL** merupakan alas kaki tradisional bagi masyarakat Melayu dan digunakan secara meluas pada satu ketika dahulu, malah ia kekal dipakai dalam kehidupan seharian sehingga era 1980-an.

Sehingga kini, pemakaian capal masih lagi diminati oleh sebahagian masyarakat bukan sahaja orang Melayu tetapi juga India dan Cina terutamanya untuk majlis istimewa seperti perkahwinan.

Capal Jago Gemilang (Capal Jago) yang beroperasi di pekan Kepala Batas merupakan antara penghasil capal tradisional menggunakan kulit haiwan yang terkenal sejak tahun 1958 dan masih 'hidup' sehingga ke hari ini.

Baru-baru ini, Capal Jago Gemilang Enterprise turut menerima Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemui pemiliknya **BADRIL SHAHIDAN HASHIM**, 41, untuk mengetahui rahsia di sebalik kejayaan Capal Jago mengekalkan perniagaan sehingga kini.

## Warisi perniagaan bapa

Memulakan bicara, Badril Shahidan berkata bahawa beliau mengambil keputusan meneruskan legasi arwah bapanya, Hashim Hassan untuk menghasilkan capal tradisional sejak tahun 2000 lagi.

Menurut beliau, arwah bapanya yang meninggal dunia pada 2011 menguruskan perniagaan membuat capal lebih enam dekad dan ia menjadi sumber pendapatan untuk membesarkan mereka lima beradik.

"Sebenarnya, Capal Jago diasaskan di Pulau Pinang (bahagian pulau) sekitar tahun 1948 lagi sebelum berpindah ke Kepala Batas memandangkan Pulau Pinang pada ketika itu merupakan kawasan bebas cukai.

"Status bebas cukai ini menyebabkan urusan perniagaan seperti pengeposan barangan menjadi sedikit bermasalah kerana perlu memenuhi syarat-syarat tertentu di samping beberapa lagi masalah lain.

"Oleh itu, arwah abah pindahkan premis perniagaan ke Kepala Batas pada tahun 1958 iaitu di Jalan Perak dan premis kami kekal di sini sehingga ke hari ini," katanya.

Melakukan hampir semua kerja itu secara sendirian, Badril Shahidan menyatakan bahawa beliau sanggup memendam impiannya untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi semata-mata mahu mewarisi perniagaan tersebut.

"Walaupun saya berpeluang menyambung pelajaran ke universiti tetapi saya lebih memilih untuk mempelajari kemahiran pembuatan capal ini sepenuhnya daripada arwah abah.

"Ini kerana sesuatu pekerjaan yang melibatkan seni tidak boleh hanya dipelajari berdasarkan teori yang terkandung di dalam buku sahaja, sebaliknya memerlukan latihan berterusan daripada mereka yang berkemahiran.

"InsyaAllah sekiranya ada rezeki untuk saya menyambung pelajaran pada masa akan datang, saya mungkin akan lakukannya," jelasnya.

Kini, capal buatan tangan Badril Shahidan bukan sahaja menjadi sebutan di negeri Pulau Pinang, bahkan tersohor hingga ke luar negara seperti Thailand, Brunei, Australia dan banyak lagi.







**PROSES pembuatan yang teliti menggunakan tangan.**

Menurut Badril Shahidan, capal yang dihasilkannya itu dikategorikan mengikut jenis serta kualiti dan dijual pada harga antara RM160 hingga RM450 sepasang.

"Capal paling mahal ialah Capal Diraja kerana ia dijahit menggunakan sehingga 11 lapisan kulit dan mengambil masa sehingga 16 jam untuk disiapkan (sepasang).

"Selain capal tersebut, saya menghasilkan tiga lagi capal iaitu jenis Bendahara, Temenggung dan Putera untuk kanak-kanak selain jenis Mahsuri dan Tun Teja untuk kegunaan wanita," kata bapa kepada tiga cahaya mata itu lagi.

## Digemari pemimpin negara

Menurut Badril Shahidan, walaupun turut terkesan dengan 'tempias' pandemik COVID-19 hingga menjejaskan perniagaan Capal Jago, namun beliau bersyukur kerana masih menerima tempahan khususnya daripada kalangan penggemar produk buatan tangan itu.

"Alhamdulillah… permintaan terhadap capal tetap menggalakkan lebih-lebih lagi menjelang sambutan Aidilfitri," ujarnya.

Ketika ini, kebanyakan capal yang dihasilkan Badril Shahidan dipasarkan secara dalam talian selain boleh diperoleh secara terus di kedainya dekat Kepala Batas.

"Bagi saya, capal buatan tangan ini sama seperti perniagaan lain kerana tetap mempunyai saingannya yang tersendiri.

"Bezanya ialah bagaimana kita menjaga identiti (capal) kita selain cara kita menjaga hubungan dengan pelanggan," katanya yang mampu menyiapkan sehingga 25 capal biasa dalam tempoh sehari ketika ini.

Mengekalkan nama perniagaan arwah bapanya iaitu 'Capal Jago', Badril Shahidan menyatakan bahawa arwah bapanya pernah menghasilkan tempahan capal daripada pemimpin utama negeri dan negara.

"Hasil kerja arwah abah sangat menarik, kemas dan selesa hingga ia menjadi tarikan pemimpin negara pada ketika itu.

"Sejak saya berusia lapan tahun, saya mula memerhatikan selain mempelajari cara arwah abah membuat capal. Akhirnya, saya dapat membantu arwah abah secara perlahan-lahan ketika berusia 10 tahun.

"Apabila dia sudah tidak sihat, saya ambil keputusan untuk teruskan legasinya dan kini, sudah lebih 20 tahun saya menguruskan perniagaan ini," katanya.

## Perancangan dan harapan

Mengulas lanjut, Badril Shahidan memberitahu bahawa beliau sentiasa mengikut rentak perubahan fesyen capal supaya pelanggan tidak jemu dan tertarik untuk menggayakannya terutamanya pada hari raya.




CAP dagang yang masih diwarisi.

# tidak lapuk ditelan zaman







BADRIL Shahidan Hashim sedang menyiapkan salah satu tempahan.



ANTARA jenis capal yang dihasilkan.

"Fesyen capal daripada dulu hingga kini memang ada perubahan tetapi dari segi reka bentuknya, saya masih ikuti cara arwah abah," ulasnya.

Menceritakan mengenai tempahan raya, Badril Shahidan berkata bahawa beliau hanya mampu menghasilkan 500 pasang capal sahaja atas faktor kekurangan tenaga kerja, masa dan mahu menjaga kualiti.

"Saya tiada pekerja dan hanya melakukannya seorang diri. Saya tidak boleh terima banyak tempahan malah ketika ini, saya hanya tidur sekitar tiga jam demi menyiapkan tempahan.

"Tambahan pula, saya perlu menjaga kualiti penghasilan capal-capal ini…jadi, menjelang bulan Ramadan saya sudah tidak lagi menerima tempahan," jelasnya.

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Badril Shahidan berkata bahawa beliau teringin untuk meningkatkan tempahan produk Capal Jago namun perkara itu memerlukan mesin khas untuk membentuk capal.

"Saya harap kerajaan dapat menyediakan geran berbentuk mesin *stamping* yang dianggarkan berharga kira-kira RM25,000 kepada peniaga yang menghasilkan produk warisan seperti ini.

"Dengan adanya mesin ini, produk (capal) boleh dihasilkan dengan lebih cepat sekali gus dapat meningkatkan lagi produktiviti," ujarnya.

Menyentuh mengenai harapan pula, Badril Shahidan berharap agar perniagaan tersebut dapat diwariskan kepada anak-anaknya pada masa akan datang.

"Setakat ini, anak saya yang berusia 13 tahun ada menunjukkan minat selain ada kalanya dia datang ke sini untuk membantu menyiapkan capal," katanya mengakhiri bicara.

*(Sambungan dari muka 5).*

## Orang awam sumber maklumat

Bercerita mengenai hubungan polis dan komuniti, Arif berharap agar masyarakat di negeri ini lebih dekat dan dapat memberikan kerjasama lebih erat kepada pihak polis.

"Kalau jumpa polis janganlah takut… boleh sahaja tegur dan menyapa kami kerana kami sememangnya mahu dekat dengan masyarakat yang mana daripada masyarakatlah kami boleh mendapat maklumat.

"Contohnya, kalau kawasan tersebut merupakan *'hotspot'* jenayah seperti mencuri motosikal, ragut dan lain-lain, orang awamlah sumber pertama kami untuk mendapatkan maklumat bagi membolehkan langkah pencegahan diambil.

"Walaupun kami polis tetapi bukan semua perkara kami tahu, sebaliknya masyarakat yang hidup di kawasan itulah yang lebih mengetahui serta arif tentang keadaan di situ," ulas ayah kepada dua cahaya mata itu lagi.

Berkongsi mengenai kisah peribadinya, Arif yang berpengalaman dalam pasukan polis hutan turut mempunyai minat dalam aktiviti memasak.

Arif menyatakan bahawa hasil 'ketegasannya' sebagai anggota polis pula, dua daripada anaknya kini berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.

"Sorang baru tamat pengajian dalam bidang pelancongan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), alhamdulillah keputusan cemerlang, semester satu hingga lima, dapat Anugerah Dekan.

"Seorang lagi baru habis belajar dekat Korea Selatan dalam bidang kulinari dan sedang menunggu masa untuk bekerja di sebuah restoran di sana," jelasnya menutup bicara.

# Persatuan Warisan teruskan tradisi



SUASANA dalam Makam Dato' Koyah.

**MAKAM** Dato' Koyah atau Syed Mustapha Idris di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town kini berusia lebih 180 tahun dan dikategorikan sebagai Bangunan Warisan Kategori 1.

Dianggap antara warisan ketara *(tangible)* yang begitu menarik dan berada pada kedudukan tersendiri di negeri Pulau Pinang, padanlah Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 5 Januari 2023 berbesar hati menyampaikan Anugerah Warisan 100 Tahun kepada Persatuan Warisan Dato' Koyah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yon Yeow dengan diiringi Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin menyampaikan anugerah bermakna tersebut kepada Pengerusi Persatuan Warisan Dato' Koyah, **DR. ABDUL RASHID S.N. MASOOTH**, 61, atas sumbangan sekalian anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dalam memelihara serta memulihara makam berkenaan.

Pada 16 Februari 2023, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berpeluang menemu ramah Setiausaha Persatuan Warisan Dato' Koyah, **ADAM MALIK**, 49, di perkarangan makan tersebut.

"Selalunya makam adalah tempat bersemadinya keluarga Diraja atau bangsawan yang mana terdapat banyak pusara dalam satu kawasan makam yang sama.

"Tetapi di Makam Dato' Koyah ini istimewa dan berada pada kedudukan tersendiri kerana hanya ada satu jasad sahaja disemadikan di sini iaitu jasad Allahyarham Syed Mustapha Idris yang lebih dikenali sebagai Dato' Koyah.

"Dan, lebih istimewa adalah Allahyarham Dato' Koyah adalah bukan dalam keluarga Diraja ataupun bangsawan, tetapi selepas kematiannya, masyarakat sendiri membina sebuah makam khusus untuknya.

"Dato' Koyah adalah orang kebanyakan, mesti sangat besar jasanya semasa hidup sehingga masyarakat sekeliling membina sebuah makam khusus untuk dirinya sahaja selepas Allahyarham meninggal dunia," jelasnya.

## Ketokohan

Berdasarkan rekod sejarah yang dipamerkan di makam tersebut, Dato' Koyah lahir di Malabar iaitu suatu wilayah dekat Selatan India.

Allahyarham berpendidikan agama, khusus dalam bidang ilmu berkaitan Al-Quran, serta dikatakan pernah menjejakkan kaki di Makkah Al-Mukarramah dan Madinah Al-Munawwarah.



BANGUNAN Makam Dato' Koyah yang dikategorikan sebagai Bangunan Warisan Kategori 1.



